

AMALAN TRADISI MAGOMBO' DALAM MASYARAKAT BAJAU DI SEMPORNA SABAH: ANALISIS DARI PERSPEKTIF SOSIOBUDAYA DAN PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

**(THE TRADITIONAL PRACTICE OF MAGOMBO' IN BAJAU
COMMUNITY IN SEMPORNA SABAH: AN ANALYSIS OF
SOCIOCULTURAL AND ISLAMIC PERSPECTIVES)**

Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli

Jabatan Fiqh & Usul,

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

(kehak@yahoo.com)

DOI: <https://doi.org/10.22452/brj.vol11no1.5>

Abstract

The Bajau is the second largest ethnic group in Sabah. Majority of them are Muslims. They are rich in customs and practices of their own, which are known as 'urf in Islamic jurisprudence. This research is focusing on the traditional ritual in the community of Bajau Semporna which is Magombo. Magombo' is a practice of Bajau Semporna's community to worship the spirits of their ancestors with the aim of mercy and prosperity of life. The main problem of this research is a community of Bajau Semporna believed that the practice is not a superstitious ritual because it is only a ritual that honors to the spirits of their ancestors. So, they want to preserve the culture and the magombo' ritual. In regards to this, the objective of this research is to analyse the practice of magombo' according to Bajau's sociocultural perspective and also from Islamic perspectives. In addition to that, this qualitative research applies for literature review together with fieldwork in achieving its objectives. Data collection is done using methods which include documentation, interview as well as observation. The basic study found that the community of Bajau Semporna tend to preserve indigenous heritage especially the magombo' practice to ensure the safety of younger generation in the future although it is contrary to Shariah.

Keywords: Magombo', Bajau, Semporna, sociocultural, Islamic perspective

Pengenalan

Setiap bangsa di dunia ini memiliki sistem kepercayaan yang tersendiri. Di Malaysia misalnya, masyarakat Melayu memiliki sistem kepercayaan yang telah dicernakan daripada beberapa fahaman dan kepercayaan seperti animisme, Hindu-Buddha dan juga pengaruh agama Islam (Idris Zakaria, 2012, hlm. 97). Hal yang sama berlaku dengan etnik Bajau yang berada di Sabah. Sistem kepercayaan mereka pada hari ini walaupun berpaksikan agama Islam, namun ia tetap dipengaruhi oleh kepercayaan tradisi mereka sebelum menganut agama Islam.

Secara umumnya, berdasarkan kajian ilmiah yang pernah dijalankan oleh para sarjana, suku kaum Bajau mendiami beberapa kawasan di Semenanjung Asia Tenggara (*Insular Southeast Asia*) terutamanya di tiga buah negara yang berjiranan iaitu Malaysia, Timur Indonesia dan juga Selatan Filipina (Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu, 2014, hlm. 80). Di Malaysia, masyarakat Bajau boleh didapati di negeri Sabah (Saidatul Normis Mahali, 2016, hlm. 30), manakala di Timur Indonesia mereka banyak menempati di sepanjang pantai Sulawesi (Matulada, 1995, hlm. 24) dan di Filipina pula, mereka banyak bertumpu di kepulauan Sulu (Nimmo, 1968, hlm. 37). Sehubungan itu, masyarakat Bajau di Sabah terbahagi kepada dua komuniti iaitu komuniti Bajau di pantai timur Sabah yang terkenal dengan perkerjaan berorientasikan laut dan komuniti Bajau pantai barat Sabah yang terkenal dengan kepakaran pembuatan parang serta kemahiran menunggang kuda (Harrison, 1975, hlm. 38).

Masyarakat Bajau pantai timur bertempat di kawasan sekitar daerah Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Kunak, Tawau dan Semporna manakala masyarakat Bajau pantai barat bertempat di kawasan sekitar daerah Putatan, Tuaran, Papar dan Kota Belud (Saidatul Normis Mahali, 2012, hlm. 2). Perbincangan dalam artikel ini akan memfokuskan tentang amalan tradisi *magombo'* masyarakat Bajau di pantai timur Sabah khususnya di daerah Semporna. Amalan *magombo'* ini akan dianalisis menurut perspektif sosiobudaya masyarakat Bajau Semporna di samping menganalisisnya menurut perspektif hukum Islam.

Latar Belakang Masyarakat Bajau di Daerah Semporna

Etnik Bajau adalah merupakan sebuah kumpulan etnik yang menetap di pantai timur dan barat Sabah sejak beberapa ratus tahun yang lalu dan diiktiraf sebagai penduduk bumiputera asli Sabah. Masyarakat Bajau juga merupakan kaum kedua terbesar di Sabah selepas kaum Kadazan-Dusun. Menurut I.H.N.

Evans (1992, hlm. 52), masyarakat Bajau adalah satu kelompok Melayu Proto yang bersifat maritim atau mempunyai hubungan yang rapat dengan laut D. E. Sopher (1977) pula mengklasifikasikan masyarakat Bajau sebagai salah satu kelompok *nomadic sea folks* atau *boat nomads*. Menurutnya juga, semua kelompok *boat nomads* tersebut sering digelar *sea gypsies* oleh penulis Inggeris manakala istilah *sea nomads* diberikan oleh penulis Jerman dan Belanda.

Kedua-dua istilah tersebut mempunyai makna yang sama iaitu merujuk kepada komuniti masyarakat maritim yang suka mengembara di laut. Berhubung dengan lokasi kajian di Semporna, istilah Semporna berasal daripada perkataan *Simporna* yang bermaksud tempat untuk berehat. Nama *Simporna* ini diberi oleh gabenor Inggeris, iaitu W. M. Crocker apabila beliau dan beberapa orang rakannya termasuklah seorang pedagang Cina yang bernama Toonah menemui daerah tersebut pada pertengahan tahun 1887 (Tabrett, 1999, hlm. 57-60). Menurut Datuk Melali (2015), sebelum wujudnya nama rasmi bagi daerah Semporna, rakyat tempatan pada ketika itu hanya mengenali Semporna sebagai *Tong Talun* yang bermaksud hujung hutan kerana daerah Semporna pada ketika itu dilitupi dengan hutan belantara di awal penemuannya. Daerah Semporna secara rasminya dibuka sebagai penempatan baharu oleh Syarikat Borneo Utara British (SBBU) pada 10 Mei 1887 (Md. Saffie Abd. Rahim & Ab. Nasir Roslan, 2012, hlm. 70). Ia telah dirasmikan oleh Gabenor Crocker iaitu pemangku Gabenor Sabah pada ketika itu. Dari segi geografi, daerah Semporna terletak di lokasi yang strategik kerana kedudukannya disempadani oleh dua persempadan perairan antarabangsa iaitu perairan Filipina dan Indonesia (Halina Sendera Mohd Yakin, 2007, hlm. 3). Daerah Semporna berkeluasan 442 batu persegi atau 111,412 hektar, iaitu bersamaan dengan 282,880 ekar.

Dari segi demografi pula, berdasarkan laporan banci pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), populasi penduduk Bajau di Semporna sebanyak 75,889 orang. Selain etnik Bajau, penduduk Semporna juga terdiri daripada etnik lain seperti Kadazan (0.53%), Murut (0.04%), Melayu (3.10%), Cina (0.91%) dan bumiputera lain (6.29%). Dari sudut ekonomi pula, kebanyakan penduduk di sini terlibat dengan aktiviti pertanian kerana keadaan tanahnya yang subur dan dianggarkan sejumlah 54,222.5 hektar keluasan tanah di daerah ini digunakan untuk pertanian. Selain itu, 35 peratus daripada penduduk Semporna terlibat dengan aktiviti perikanan dan laut, manakala sejumlah kecil daripada mereka, iaitu kira-kira 5% terlibat dengan aktiviti perniagaan. Di samping itu, kegiatan pelancongan juga menjadi nadi kepada ekonomi daerah Semporna kerana kedudukannya yang di kelilingi oleh pulau-pulau yang berpotensi sebagai tempat pelancongan menarik seperti

Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Kapalai dan sebagainya (Md. Saffie Abd. Rahim & Ab. Nasir Roslan, 2012, hlm. 69).

Amalan *Magombo'* dari Perspektif Sosiobudaya Bajau Semporna

Rentetan daripada kepercayaan masyarakat Bajau sebelum memeluk agama Islam adalah kepercayaan animisme, maka banyak adat tradisi Bajau terutamanya yang berkaitan dengan kepercayaan bertitik-tolak daripada kepercayaan kepada semangat, roh, jin, makhluk halus dan sebagainya (Eshah A. Wahab, 2012, hlm. 514). Kepercayaan sedemikian sangat menebal terutamanya di kalangan generasi tua Bajau sehingga menyebabkan generasi muda perlu akur dengan pemahaman dan corak penerimaan generasi tua Bajau terutamanya apabila berinteraksi dengan adat tradisi Bajau.

Sehubungan itu, terdapat satu kepercayaan yang unik dalam adat masyarakat Bajau Semporna iaitu percaya kepada roh leluhur nenek moyang yang dinamakan *ombo'* dalam istilah bahasa Bajau Semporna. Masyarakat Bajau percaya bahawa roh nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia mampu memberikan pertolongan kepada mereka khususnya pertolongan yang melibatkan bala atau musibah. Berasaskan kepercayaan ini, roh tersebut perlu dihormati dan wajib dilaksanakan beberapa ritual untuk memohon perlindungan dan juga mengelak dari musibah dari mereka (Yap Beng Liang, 1993, hlm. 138).

Amalan tradisi yang berdasarkan kepercayaan kepada *ombo'* ini dikenali sebagai *magombo'*. *Magombo'* merupakan amalan orang Bajau untuk memuja roh leluhur nenek moyang dengan tujuan memohon rahmat dan kesejahteraan hidup (Halina Sendera Mohd Yakin, 2007, hlm. 22). Masyarakat Bajau percaya bahawa roh leluhur nenek moyang mempengaruhi kehidupan manusia di dunia. Istilah lain yang sinonim dengan *magombo'* ialah *magmatalau* (Yap Beng Liang, 1993, hlm. 137), *hinang kok taun* (Md. Saffie Abd. Rahim & Ab. Nasir Roslan, 2012, hlm. 41), *magpaii-bahau* dan *magduwata* (Hanafi Hussin, 2008a: 19-34). *Magombo'* atau *magduwata* merupakan ritual yang paling kompleks bagi komuniti Bajau di Semporna yang diwarisi sejak lama dahulu yang diperturunkan melalui keturunan yang dipanggil sebagai jin yang merupakan pewaris rasmi *langkapan*. *Langkapan* secara mudahnya difahami ialah barang pusaka atau barang warisan nenek moyang yang ditinggalkan kepada generasi selepas mereka dengan tujuan untuk disimpan sebagai tanda peringatan hasil pemberian nenek moyang (Hjh. Salasiah, 2016). Barang pusaka atau warisan ini mesti dijaga dengan rapi dan ada di antara barang pusaka tersebut yang mempunyai pantang larang tertentu seperti tidak boleh dilangkah, tidak boleh dipijak, tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak

untuk dibuat permainan dan sebagainya. Dipercayai, jika pantang larang tersebut tidak dipatuhi, maka musibah tertentu akan menimpa keluarga tersebut dan perlu dipulihkan melalui amalan tradisi *magombo'*. Manakala upacara *magduwata* pula akan dilakukan jika seseorang itu menghidapi penyakit yang kompleks dan pelik seperti gila, tidak waras, kurus yang agak melampau, ketakutan secara tiba-tiba dan sebagainya (Temu bual dengan Hanafi Hussin, 31 Mac 2016).

Menurut informan pengkaji yang dikenali sebagai Puan Sitti Rindah (2014), beliau pernah melakukan upacara *magombo'* untuk anak-anaknya. Beliau mempunyai enam orang anak dan empat daripadanya telah diadakan upacara *magombo'*. Beliau menceritakan, ketika anak-anaknya masih kecil, lebih kurang berumur 3 tahun, anak-anaknya sering ditimpah penyakit kudis yang sukar untuk sembuh. Walaupun telah disuntik dan diberi ubat oleh para doktor, namun kudis tersebut terus merebak dan tidak sembuh. Oleh itu, beliau akan menjalani upacara *magombo'* untuk memohon keselamatan dan kesejahteraan untuk anak-anaknya. Dalam tempoh pengubatan *magombo'* selama tiga hari tiga malam, beliau dan keluarganya perlu tidur di rumah orang bomoh (*kelamat*) dan perlu mematuhi beberapa pantang larang seperti tidak boleh mandi, tidak boleh melihat cermin, tidak boleh memakan makanan berbisa, makanan berminyak dan sebagainya.

Upacara ritual *magombo'* biasanya akan dilaksanakan pada setiap tahun dan dilakukan mengikut tatacara tradisi, keagamaan dan melibatkan orang yang memelihara jin. Dalam keadaan ini, amalan *magombo'* yang dimaksudkan dikenali sebagai *hinang kok ta'un* iaitu upacara yang mesti dilaksanakan setiap tahun (Temu bual dengan Tuan Hj. Kassim bin Dasaim, 19 Ogos 2015). Ritual *magombo'* melibatkan jamuan besar-besaran yang juga dikenali sebagai *magjamu*. *Magjamu* dalam upacara *magombo'* merupakan satu simbolik upacara untuk memberi makan kepada roh nenek moyang. Mereka mempercayai roh semangat dan jin mempengaruhi kehidupan manusia di dunia. Sajian yang menjadi kesukaan nenek moyang mereka ialah padi baru (*paii-bahau*) (Hanafi, 2008b, hlm. 154).

Ketika bermulanya upacara ritual *magombo'*, semua ahli keluarga yang terlibat akan bergotong royong menyiapkan bahan-bahan untuk upacara *magombo'*. Kebiasaannya, peralatan yang digunakan dalam upacara pemujaan ini termasuklah dua gantang padi yang belum ditumbuk, sehelai tikar, daun, beras, pulut, sebiji kelapa tua, kulit kayu dan juga gurul (sejenis gelas yang diperbuat daripada tembaga). Memandangkan upacara *magombo'* diketuai oleh 'orang yang berjin' (orang yang memelihara jin), oleh itu peralatan tetap disediakan untuk 'upacara berjin' (upacara mistik yang melibatkan perkara

ghaib). Antaranya, kain kuning dan kain putih yang panjangnya kira-kira lima meter, kemenyan, *parasappan* (bekas untuk meletakkan bara api), minyak wangi cap air mata duyung, mayang pinang, satu gelas air, dan beras kuning (Yap Beng Liang, 1977, hlm. 138). Sehari sebelum upacara *magombo'* ini, waris akan membawa barang pusaka seperti sepersalinan pakaian nenek moyang, kain putih, dan kain kuning yang digunakan untuk berubat dan tapak sirih akan diletakkan di satu tempat khas (*nipatengko*). Kesemua peralatan ini akan dipamerkan dan dipersembahkan untuk upacara jamu nenek moyang.

Menurut temu bual pengkaji di lapangan, tujuan asal upacara *magombo'* ini dilaksanakan adalah untuk meminta dan menyeru roh nenek moyang agar anak cucu yang masih hidup sentiasa diberkati dan dijaga (Hjh. Salasiah, 2015). Lazimnya, upacara tersebut dijalankan dengan memulai bacaan doa ke atas nenek moyang. Kata-kata yang dilafazkan adalah dalam bahasa Bajau. Selesai membaca doa, ketua adat akan mengambil barang yang dijamu untuk diasapkan pada kemenyan sebagai simbol mempersembahkan barang tersebut kepada roh nenek moyang. Semua anak cucu perlu berhadapan dengan peralatan yang akan disediakan dalam upacara *magombo'* berkenaan. Semasa ritual *magombo'*, lazimnya alunan muzik tagunggu akan dimainkan (Temu bual dengan Tuan Hj. Kassim bin Dasaim, 19 Ogos 2015).

Menurut Tuan Hj. Amping b. Udik, adat *magombo'* ini mestilah diamalkan kerana ia merupakan amalan warisan turun-temurun nenek moyang yang wajib dilaksanakan. Pelbagai kes berupa penyakit misteri menimpa kepada generasi muda yang enggan melaksanakan amalan ini. Hal ini dipertegaskan oleh beliau seperti kenyataan berikut;

Bannal ka adat magombo' tu hinang kami sabab amean banan kamattoahan kami bai rahu...sogok...mbal manjari abbahan kami..sebab agtui amuan mulka ni kami..mulka ei..atakka ni kami paling mariki talua sakit..iti sabab na banan kaombohan hek asagau sabab pangassahan sigam..mbal sigam ni hormat

Terjemahan: "Memang benar adat *magombo'* ini kami amalkan mengikut nenek moyang kami. Tetapi kami tidak boleh menghapuskan amalan ini kerana jika tidak dilakukan, ia akan membawa bala dan malapetaka seperti penyakit. Hal ini disebabkan ombo' telah marah kerana dia rasa tidak dihormati." (Temu bual dengan Tuan Hj. Amping b. Udik, 13 Februari 2015)

Walaupun ritual ini mengandungi amalan animisme, tetapi ia telah disesuaikan dengan unsur ajaran Islam seperti pembacaan doa selamat, doa arwah, zikir (*magjikil*) dan bacaan berzanji yang diketuai oleh seorang imam. Ini bermakna, amalan tradisi ini walaupun telah menerima penyesuaian ajaran

Islam seperti bacaan doa selamat, berzanji dan seumpamanya, namun ia tidak menerima perubahan secara total. Malah adat tradisi ini telah mengalami fenomena sinkretisme antara ajaran animisme dan ajaran Islam (Pugh-Kitingan, 2011, hlm. 172). Amalan ini mengambil kira peranan ‘orang yang berjin’ dan juga peranan ahli agama dalam masyarakat Bajau Semporna. Unsur-unsur alam seperti kuasa ghaib akan diselesaikan oleh ‘orang yang berjin’ manakala yang berkaitan dengan ajaran agama Islam akan dilakukan oleh imam atau ahli-ahli agama.

Dalam hal ini, jelas kelihatan pengaruh agama Islam yang turut melengkapkan amalan *magombo'* ini. Malah, tanpa bacaan Barzanji (*magjikil*), upacara *magombo'* kelihatan tidak sempurna keberkesanannya. Sebenarnya, amalan *magombo'* ini sama dengan satu upacara ritual yang berasal daripada Filipina. Harry Arlo Nimmo (1968, hlm. 32-59) mengelarkan ritual ini sebagai *Magpaii-baha-o* di Tawi-Tawi Filipina. Di sana, ia merupakan ritual tahunan yang wajib dilaksanakan oleh masyarakat Bajau Laut. Jika komuniti Bajau Laut gagal mengadakannya, dikatakan seluruh kampung akan mendapat musibah dalam bentuk pelbagai penyakit yang dipanggil sebagai *busung* atau tulah. Di Sabah khususnya di Semporna, amalan *magombo'* ini bukan sahaja diamalkan oleh komuniti Bajau Laut, namun ia diamalkan oleh komuniti Bajau Darat Semporna.

Ringkasnya, amalan *magombo'* dari perspektif sosiobudaya Bajau Semporna merupakan satu kemestian untuk dilaksanakan sekiranya berlaku satu penyakit misteri yang tidak diketahui penawarnya. Bagi masyarakat Bajau Semporna, amalan *magombo'* merupakan satu ikhtiar yang dibenarkan syarak dan ini dan tidak bersifat khurafat kerana ia turut melibatkan campur tangan ahli agamawan masyarakat Bajau Semporna. Di samping itu, amalan tradisi *magombo'* ini didakwa satu kaedah rawatan tradisional yang penting dan diibaratkan seperti mendapatkan khidmat doktor kerana peranan mereka dalam merawat penyakit-penyakit ganjil.

Amalan *Magombo'* dari Perspektif Hukum Islam

Berdasarkan penelitian pengkaji, amalan perubatan tradisional *magombo'* dalam masyarakat Bajau adalah bertentangan dengan syarak. Pengkaji cenderung berpendapat bahawa amalan *magombo'* ini adalah haram dan tidak wajar dilaksanakan. Ia berdasarkan kepada beberapa hujah dan alasan.

Pertama, amalan *magombo'* ini telah mengalami fenomena sinkretisme antara ajaran Islam dan pra-Islam. Hanafi Hussin (2008b) dalam kajiannya menjelaskan bahawa banyak amalan tradisi masyarakat Bajau yang

bercampur-baur dengan ajaran Islam hingga menyebabkan berlakunya proses sinkretisme. Sinkretisme yang berlaku dalam adat ini lebih ketara dalam mengambil kira peranan ‘orang yang berjin’ dan juga peranan ahli agama dalam masyarakat Bajau Semporna. Unsur-unsur alam seperti kuasa ghairah akan diselesaikan oleh ‘orang yang berjin’ manakala yang berkaitan dengan ajaran agama Islam akan dilakukan oleh imam atau ahli agamawan. Hal ini bermakna, sebagai satu cara untuk mengelakkan pelbagai bahaya dan musibah, masyarakat Bajau Semporna mencari jalan untuk mencapai kesejahteraan menerusi kearifan tempatan (*local wisdom*). Kearifan tempatan dalam hal ini merujuk kepada di samping menghormati kedudukan roh nenek moyang yang mampu memberikan manfaat dan mudarat, pada masa yang sama kebergantungan masyarakat Bajau kepada Allah SWT tetap diambilkira dengan melaksanakan amalan-amalan bercorak islamik seperti majlis doa selamat, bacaan Barzanji, berzikir dan seumpamanya.

Kedua, amalan ini mempunyai unsur *tasyabuh* dengan amalan orang bukan Islam. Menurut kajian para sarjana, amalan perubatan tradisional *magombo'* ini mempunyai persamaan dengan upacara ritual yang berasal daripada Filipina. Harry Arlo Nimmo (1968) dalam kajiannya mengatakan bahawa ritual ini dikenali dengan istilah *Magpaim-baha-o* di Tawi-Tawi Filipina. Di sana, ia merupakan ritual tahunan yang wajib dilaksanakan oleh masyarakat Bajau Laut. Jika komuniti Bajau Laut gagal mengadakannya, dipercayai seluruh kampung akan mendapat musibah dalam bentuk pelbagai penyakit yang dipanggil sebagai busung atau tulah (Hanafi Hussin, 2008b, hlm. 154).

Ketiga, amalan *magombo'* ini menerima pengaruh animisme-dinamisme di mana wujudnya kepercayaan kepada roh yang mampu memberi manfaat dan juga mudarat. Kepercayaan bahawa roh boleh memberi manfaat dan mudarat merupakan saki-baki kepercayaan animisme (Ridwan Hasan, 2012). Hakikatnya, tidak ada makhluk lain di muka bumi ini mampu memberi kesejahteraan ataupun mudarat tanpa izin Allah SWT.

Keempat, dalam amalan tradisi *magombo'*, terdapat kepercayaan bahawa roh nenek moyang boleh kembali ke dunia. Kepercayaan roh boleh kembali ke dunia merupakan satu dakwaan yang salah dan bercanggah dengan ajaran Islam. Ini dijelaskan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mu'minun: 100 yang bermaksud:

Terjemahan: “Agar aku dapat berbuat kebaikan yang telah aku tinggalkan. Sesungguhnya itu adalah dalih yang diungkapkannya saja dan di hadapan mereka ada alam Barzakh sampai pada hari mereka dibangkitkan”.

Imam Muhammad bin Jarir Al-Tabari (2000) dalam menafsirkan ayat di atas bahawa manusia yang telah mati mempunyai kehidupan baru, yang digelar alam barzakh. Kehidupan di alam barzakh menyebabkan berlakunya pemisahan antara alam dunia dan alam akhirat. Muhammad Mustafa al-Jibali (1998) menggambarkan barzakh itu sebagai pemisah atau penghalang seumpama sebuah tembok kukuh yang memisahkan dua alam. Ini bermakna, dakwaan orang Bajau bahawa roh nenek moyang boleh kembali ke dunia ini adalah salah. Pada pendapat pengkaji, dakwaan bahawa dalam upacara *magombo'*, dan ngalai terdapat roh nenek moyang yang akan masuk ke badan seseorang dan menegur generasi baru yang melakukan kesalahan bukanlah roh nenek moyang, tetapi sejenis makhluk yang diistilahkan oleh al-Qur'an sebagai qarin. Firman Allah SWT dalam surah Fusilat yang bermaksud:

Terjemahan: "Dan kami tetapkan bagi mereka teman-teman (syaitan) yang memuji-muji apa saja yang ada di hadapan dan di belakang mereka..".

Menurut Ibn Kathir (1998), ayat ini merujuk tentang kewujudan makhluk halus yang dipanggil qarin atau qurana' (jin yang menjadi sahabat baik kepada manusia). Sekiranya kita merujuk kepada al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW, kita akan menemui istilah yang sinonim dengan Qarin iaitu syaitan atau Syayatin, jin atau Jinnah, Iblis, 'Ifrit, dan sebagainya (Haron Din, 2009). Menurut masyarakat Arab pula, nama-nama jin sering kedengaran dengan istilah-istilah seperti Ummu Sibyan, Khanzab, Aamir, 'Ammar, Arwah, Ifrit dan seumpamanya (al-Suyuthi, t.t.).

Kelima, Kepercayaan bahawa sesuatu roh nenek moyang (*ombo/embo*) mampu memberi manfaat atau mudarat kepada manusia adalah bercanggah dengan konsep *Tauhid Uluhiyah* dan *Tauhid Rububiyyah* (Ismail Omar, 2006, hlm. 89) Menurut konsep *Tauhid Uluhiyah* setiap Muslim wajib beriman bahawa Allah SWT yang wajib disembah dan mengesakan Allah SWT dalam segala jenis ibadat. Amalan memberi sajian dan mantera yang sinkretis antara Islam dan pra-Islam dalam adat *magombo'* jelas bertentangan dengan *Tauhid Uluhiyah*. Manakala *Tauhid Rububiyyah* meyakini bahawa hanya Allah SWT yang mampu memberi manfaat dan mudarat ke atas manusia. Kepercayaan *ombo/embo'* berkuasa memberi manfaat dan mudarat juga bercanggah dengan konsep *Tauhid Rububiyyah*.

Ringkasnya, amalan *magombo'* dari perspektif Islam termasuk dalam kategori '*urf fasicid* kerana amalan tersebut mempunyai elemen-elemen khurafat, bidaah dan syirik yang tidak sejajar dengan Islam walaupun telah berlaku penyesuaian dengan nilai-nilai agama Islam.

Amalan *Magombo'* Antara Pengekalan atau Perubahan

Setiap bangsa di dunia ini pasti akan cuba memelihara adat dan kebudayaan mereka. Ini kerana budaya melambangkan identiti jati diri mereka. Usaha memelihara budaya khususnya di kalangan masyarakat Bajau Semporna menjadi satu permasalahan hingga kini. Hal ini disebabkan generasi baharu seakan-akan tidak mempunyai keazaman untuk terus melestarikan adat dan budaya mereka akibat arus permodenan. Malahan, ada juga segelintir dari kalangan generasi muda yang beranggapan adat dan budaya yang diamalkan turun temurun sebagai suatu yang bersifat khurafat. Implikasinya, timbul kesedaran di kalangan generasi muda untuk mengelak daripada melakukan amalan tradisi nenek moyang Bajau walaupun mereka tahu risiko yang dipercayai akan menimpa mereka sekiranya tidak mengamalkan amalan tradisi tersebut.

Komuniti Bajau Semporna dari semasa ke semasa sentiasa cuba memelihara amalan tradisional *magombo'*. Ini disebabkan rasa jati diri sebagai pewaris warisan Bajau itu masih lagi menebal dan rasa ingin melestarikan amalan dan budaya Bajau itu. Usaha pengekalan dan pemeliharaan amalan *magombo'* ini lebih ketara di kalangan orang tua-tua Bajau. Generasi tua Bajau menjadikan amalan *magombo'* ini seolah-olah menjadi satu kawalan sosial yang menjadikan orang Bajau terutamanya generasi muda takut untuk melakukan sesuatu yang dikhabarkan boleh mengundang kemarahan roh nenek moyang lalu menimpa penyakit kepada mereka. Amalan ini dianggap satu kemestian dan sebarang tindakan cuba menafikannya dianggap melanggar pantang larang nenek moyang dan boleh mengundang musibah di kemudian hari. Jika generasi baru ini melanggar sesuatu adat yang dikatakan boleh mendatangkan kemarahan roh nenek moyang ini, maka sesuatu perkara pelik akan berlaku seperti penyakit, malapetaka dan sebagainya (kabusungan). Apabila penyakit dan malapetaka ini berlaku, masyarakat Bajau akan mengadakan upacara *magombo'* (memuja roh nenek moyang).

Menurut Tuan Hj. Kassim b. Dasaim (Temu bual, 19 Ogos 2015), amalan *magombo'* ini bukanlah satu bentuk ritual pemujaan yang berbentuk khurafat. Ia hanya sekadar bentuk ritual penghormatan. Ia merupakan simbolik untuk memperingati keturunan nenek moyang. Ini kerana di dalam amalan *magombo'* ini, tidak wujud sebarang perkara syirik seperti persyaratan jin umpama penyembelihan ayam, upacara memuja, dan sebagainya. Ia hanya berbentuk upacara penghormatan yang mana si pelaku yang mengadakan amalan *magombo'* itu perlu meyediakan beberapa peralatan penyediaan makanan dan juga wajib mematuhi pantang larang dalam tempoh amalan *magombo'* tersebut. Walau bagaimanapun, hasil daripada observasi pengkaji

dalam amalan *magombo'* ini, terdapat beberapa perkara yang harus diperincikan agar tidak berlaku pencanggahan antara adat tradisi Bajau dan juga tuntutan agama Islam. Ini kerana amalan *magombo'* yang didakwa sebagai amalan penghormatan sahaja tanpa unsur khurafat tetap mengandungi elemen-elemen persyaratan seperti wajib menyediakan makanan tradisional kesukaan nenek moyang, wajib bermalam di rumah kelamat (bomoh) sepanjang tempoh pengubatan, kena mematuhi pantang larang nenek moyang penggunaan mantera yang berunsur sinkretik dan sebagainya.

Amalan *magombo'* ini menghasilkan dua impak, iaitu sama ada amalan tersebut dihapuskan terus kerana mengandungi unsur khurafat atau diubahsuai supaya lebih selari dengan tuntutan agama. Menurut pengamatan pengkaji melalui proses observasi, amalan *magombo'* ini walaupun dikatakan oleh ramai generasi tua Bajau tidak mengandungi unsur khurafat, namun ia tetap mengandungi elemen-elemen yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Elemen-elemen yang bercanggah tersebut antaranya berlaku percampuran antara adat tradisi *magombo'* dan ajaran Islam. Dalam erti kata lain, berlakunya fenomena sinkretisme. Unsur sinkretisme dapat dilihat dalam amalan tradisi *magombo'* ini ketika mana selesai sahaja upacara *magombo'* dilakukan, biasanya masyarakat Bajau akan mengadakan majlis doa selamat (magjikil) sebagai tanda kesyukuran di atas perkara buruk yang tidak diingini tidak berlaku. Upacara yang pada awalnya ada elemen khurafat seperti meminta pertolongan kepada roh nenek moyang cuba diharmonisasikan dan diislamisasikan dengan bacaan doa selamat. Contoh doa dan permintaan kepada roh nenek moyang yang biasanya dibaca ketika amalan *magombo'* umpsama:

Ombo, kaalu keturunan kami, ampinunnu umpunu tu, ni pakan ka ombo, daa pasakihun umpunu, murah-murahan alungai banan kasakian tu.

Terjemahan: "Ombo' kau tu keturunan kami, kau ampunkanlah cucumu ni, dikasi makan kau ombo', jangan kau sakitkan cucumu dan mudah-mudahan segala penyakit ini hilang". (Temu bual dengan Lahajim b. Etteng, 2 Februari 2015)

Dalam hal ini, jelas kelihatan berlaku fenomena sinkretisme kerana wujud kepercayaan kuasa yang double standard antara kepercayaan kepada Allah yang maha kuasa dan kepercayaan kepada roh nenek moyang. Dalam upacara *magombo'*, sedia maklum orang Bajau sangat takut kemurkaan yang dikenakan ke atas seseorang individu oleh roh nenek moyang. Seolah-olah terdapat suatu kuasa yang khusus boleh memberi mudarat selain dari Allah

SWT iaitu nenek moyang. Hal ini jelas menjelaskan akidah sehingga boleh dihukumkan syirik yang besar dan nyata ke atas pelakunya.

Penutup

Setiap masyarakat mempunyai sistem kepercayaan yang tersendiri. Sistem kepercayaan itu kemudiannya diamalkan mengikut peredaran masa dan cuba diselarikan dengan tuntutan masyarakat itu sendiri dan agama. Kesemua kepercayaan dan amalan yang telah diterima daripada generasi terdahulu diadun menjadi satu amalan yang baru yang harus dipatuhi oleh generasi muda agar tidak mendapat kesusahan di kemudian hari. Berdasarkan kepada keadaan itu, kepercayaan yang lahir itu adalah hasil daripada tindakan untuk menyelesaikan permasalahan yang dipercayai akan menyelubungi sesuatu kelompok itu sekiranya tidak dibendung. Cara membendung permasalahan itu ialah dengan mengadakan pelbagai bentuk upacara atau ritual yang dikenal pasti dapat menyelesaikan krisis-krisis terutama yang berkaitan dengan kehidupan (Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim, 2012, hlm. 259).

Hal yang sama berlaku dalam masyarakat Bajau Semporna. Dalam menempuh kehidupan bersosial, mereka tidak terlepas dari menerima pelbagai masalah dan krisis kehidupan. Krisis dan permasalahan yang dihadapi adalah berpunca daripada proses sosialisasi yang akhirnya membentuk kepada kehidupan bermasyarakat. Lazimnya, masalah yang dihadapi dalam masyarakat Bajau adalah berupa penyakit yang sukar sembah walaupun berjumpa dengan doktor pakar disebabkan melanggar pantang larang nenek moyang.

Walaupun fakta telah membuktikan bahawa masyarakat Bajau Semporna ini majoriti beragama Islam, upacara atau ritual yang dijalankan adalah untuk memberikan tanda kesyukuran kepada Allah S.W.T. Namun disebabkan terdapatnya pengaruh dan peranan generasi tua, maka unsur-unsur tradisi yang mengaitkan kehidupan manusia dengan kuasa-kuasa supernatural diselitkan supaya kehidupan masyarakat Bajau akan terhindar daripada perkara-perkara yang tidak diingini seperti sakit, malapetaka, pertelingkahan dan sebagainya. Melalui pelbagai bentuk upacara atau ritual ini, ia diharapkan dapat menaturalisasikan segala permasalahan dan krisis itu daripada terus berlaku. Dalam hal ini, masyarakat Bajau Semporna mengadakan satu amalan tradisi yang unik yang dikenali sebagai *magombo'* iaitu amalan memohon kesejahteraan kepada roh leluhur nenek moyang kepada generasi baharu.

Ini menunjukkan dalam pemikiran generasi tua Bajau, perbuatan menjaga hati unsur-unsur supernatural ini dianggap sukar jika dibandingkan

dengan manusia. Ini disebabkan perasaan marah atau sedih manusia dapat dikesan melalui raut wajah tetapi makhluk-makhluk supernatural ini tidak dapat dikesan dengan mata kasar. Ekoran daripada itu, apabila keadaan musibah ini berlaku, bomoh atau kelamat dalam istilah Bajau Semporna akan dijadikan sebagai orang yang menjadi perantara dan melakukan pelbagai upacara sebagai simbolik penghormatan dan memohon keampunan daripada roh nenek moyang.

Dalam melaksanakan amalan *magombo'* dalam kehidupan masyarakat Bajau ia terdapat beberapa elemen penting. Sekiranya elemen-elemen itu tidak dijaga dan dipelihara, ritual yang dijalankan tidak akan memberikan impak kepada masyarakatnya. Oleh sebab itu, dalam pengendalian ritual ini, elemen-elemen seperti penglibatan kelamat, orang yang berjin dan ahli agama hendaklah disatukan. Mereka percaya bahawa adat ini mesti terus dipelihara untuk memastikan keselamatan generasi muda. Masyarakat Bajau Semporna percaya bahawa amalan *magombo'* ini termasuk dalam ikhtiar pengubatan yang diterima oleh agama Islam. Oleh sebab itu, selepas mengadakan amalan *magombo'*, ia akan disusuli dengan upacara bacaan bezanji dan doa selamat sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT kerana segala penyakit yang dihadapi hilang selepas mengadakan upacara *magombo'*.

Rujukan

- Eshah A. Wahab. (2012). Unsur-Unsur Agama, Ritual dan Sinkretisme Masyarakat Bajau Omadal. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Community Development, Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, 7-9 April.
- Evans, I. H. N. (1922). *Among Primitive Peoples in Borneo*. London: Seeley Service & Co. Ltd.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2007). *Identiti Budaya Etnik Palau' di Semporna, Sabah: Konservasi, Adaptasi dan Transformasi Budaya*. Kertas Kadangkala Bil. 7. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Halina Sendera Mohd Yakin, & Andreas Totu. (2014). Signifikasi Konsep Proxemics dan Chronemics dalam Ritual Kematian Bajau: Satu Kajian dari Perspektif Komunikasi Bukan Lisan. *Jurnal Komunikasi*, 30(2), 71-90.
- Hanafi Hussin. (2008a). Magpaii-Bahau: Reunion between Living and Dead among Bajau Community of Semporna, Sabah, Malaysia. Dlm. Hanafi

- Hussin (Peny.), *Southeast Asian Religion, Culture and Art of the Sea*. Kuala Lumpur: Institute of Ocean and Earth Sciences, University of Malaya.
- _____. (2008b). Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah. *Borneo Research Journal*, 2(1), 149-163.
- Harrison, T. (1975). The Bajaus: Their Origins and Wide Importance. *Sabah Society Journal*, 6, 38-41.
- Idris Zakaria. (2012). Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari, Special Edition*, 91-108.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Pugh-Kitingan, J. (2011). Dance and Ritual in Sabah. In Mohd Anis Md Nor & S. Burridge (Eds.), *Sharing Identities Celebrating Dance in Malaysia* (hlm. 166-186). New Delhi: Routledge.
- Matulada, H. A. (1995). The Bajau (Bajo) of South Sulawesi and Other Eastern Islands of Indonesia. Kertas kerja dibentangkan dalam Internatinal Conference on Bajau/Sama Progress through the Ages, Kota Kinabalu, 24-28 Jun.
- Mohamad Maulana Magiman, & Othman Yatim. (2012). Simbol dalam makan tahun masyarakat Kadayan, Sarawak. *Jurnal Melayu*, 9, 259-287.
- Md. Saffie Abd. Rahim, & Ab. Nasir Roslan. (2012). Proses Kitaran Kehidupan. Dalam Md Saffie Abd Rahim, Sabihah Osman, & Ramzah Dambul (Peny.), *Bajau Pantai Timur*. Kuala Lumpur: UMS & ITBM.
- Muhammad bin Jarir Al-Tabari. (2000). *Jami' al-bayan fi ta'wil ayi al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Jil.18.
- Muhammad Mustafa al-Jibali. (1998). *Al-Hayah Fi al-Barzakh*. Beirut: Mansyurah al-Kitab wa al-Sunnah.
- Nimmo, H. A. (1968). Reflections on Bajau History. *Philippine Studies*, 16(1), 32-59.
- Ridwan Hasan. (2012). Kepercayaan Animisme dan Dinamisme dalam Masyarakat Islam Aceh. *MIQAT*, xxxvi(2), 282-298.
- Saidatul Nornis Mahali. (2012). *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- _____. (2016). Bahasa Gipsi Laut/Pala'u: Penelitian Dini di Sabah. *Journal of Borneo Kalimantan*, 2(1), 28-40.
- Sopher, D. E. (1977). *The Sea Nomads, a Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia*, (Memoirs of the National Museum, No. 5). Singapore: The National Museum.
- Tabrett, K. P. (1999). The Founding of Semporna. *Sabah Society Journal*, 16, 57-60.

- Yap Beng Liang. (1977). *Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- _____. (1993). *Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-aspek Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Temu bual

Datuk Melali bin Hj. Malik. 75 tahun. 15 Oktober 2015 di Kg. Tagasan Semporna Sabah. Bekas Ahli-Ahli Majlis Daerah Semporna tahun 2011-2013.

Encik Lahajim b. Etteng. 68 tahun. 2 Februari 2015 di Pulau Bum-Bum Semporna. Bomoh dan pengamal perubatan tradisional Bajau Semporna.

Hanafi Hussin. 31 Mac 2016. Profesor Madya, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau merupakan sarjana tempatan yang banyak mengkaji budaya masyarakat Bajau di pantai timur Sabah.

Puan Hjh. Salasiah binti Tampi. 74 tahun. 4 Ogos 2016 di Kg. Gusung Melanta Semporna Sabah. Beliau merupakan orang tua-tua Bajau dari suku kaum Bajau Bum-Bum.

Puan Sitti Rindah Bt. Amil Husin. 62 tahun. 21 Jun 2014 di Kg. Tonggollangan Semporna Sabah. Beliau merupakan informan yang pernah melaksanakan amalan *magombo'*.

Tuan Hj. Amping b. Udk di Kg. Gusung Malanta Pulau Bum-Bum pada 13 Februari 2015. Beliau merupakan orang tua-tua Bajau dari suku Kaum Bajau Bum-Bum dan sering menjadi rujukan berhubung adat tradisi Bajau Semporna.

Tuan Hj. Hussin bin Hj. Hassan. 19 September 2015 di Kg. Bugaya Semporna Sabah. Imam kampung dan banyak mengetuai upacara-upacara kegamaan masyarakat Bajau Semporna.

Tuan Hj. Kassim bin Dasaim. 71 tahun. 19 Ogos 2015 di Kg. Gallam-gallam, Pulau Bum-Bum Semporna Sabah. Ketua kampung dan merupakan tempat rujukan bagi adat-adat orang Bajau Semporna.